



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 67
No. 19

11hb Mei 2023

*TAMBAHAN No. 2
ENAKMEN*

Enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada hari yang ketujuh dalam bulan Mac 2023 dan telah diperkenankan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri pada hari kesebelas dalam bulan April 2023, adalah disiarkan mengikut kuasanya syarat-syarat Perkara 26 dalam Perlembagaan Negeri Pulau Pinang:

The following Enactments, passed by the State Legislative Assembly of the State of Penang on the seventh day of March 2023 and assented to by His Excellency the Yang di-Pertua Negeri on the eleventh day of April 2023, is published in accordance with the provisions of Article 26 of the Constitution of the State of Penang:

No.	Tajuk Ringkas/Short Title
Enakmen A32	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) (Pindaan) 2023 Administration of the Religion of Islam (State of Penang) (Amendment) Enactment 2023



UNDANG-UNDANG NEGERI PULAU PINANG

Enakmen A32

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) (PINDAAN) 2023**

Tarikh Persetujuan DiRaja 11 April 2023

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* 11 Mei 2023

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).

UNDANG-UNDANG NEGERI PULAU PINANG**Enakmen A32****ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) (PINDAAN) 2023**

DIPERKENANKAN,

(MOHOR KERAJAAN)

TUN DATO' SERI UTAMA
AHMAD FUZI BIN
HAJI ABDUL RAZAK
*Yang di-Pertua Negeri*20 Ramadan 1444
11 April 2023

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.

[]

DIPERUNDANGKAN oleh Kuasa Undangan Negeri Pulau Pinang seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) (Pindaan) 2023.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(3) Yang di-Pertuan Agong boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan dalam Enakmen ini.

Pindaan seksyen 2

2. Seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini dipinda dalam subseksyen (1)—

(a) dengan memasukkan selepas tafsiran “Baitulmal” tafsiran yang berikut:

‘ “bermastautin” ertinya menetap di mana-mana kawasan di dalam Negeri Pulau Pinang selama tempoh tidak kurang daripada empat bulan;’;

(b) dengan memasukkan selepas tafsiran “Enakmen terdahulu” tafsiran yang berikut:

‘ “Fatwa” ertinya apa-apa ketetapan hukum tentang apa-apa persoalan yang belum muktamad atau yang menimbulkan kontroversi atau yang berhubungan dengan Hukum Syarak yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa dan disiarkan dalam *Warta*;’;

(c) dengan memasukkan selepas tafsiran “Pegawai Masjid” tafsiran yang berikut:

‘ “Pegawai Syariah” ertinya seseorang Pegawai Syariah dalam perkhidmatan awam am Persekutuan atau dalam perkhidmatan awam am Negeri;’;

(d) dengan memasukkan selepas tafsiran “Pendakwa Syarie” tafsiran yang berikut:

‘ “Penolong Pegawai Syariah” ertinya seseorang Penolong Pegawai Syariah dalam perkhidmatan awam am Persekutuan atau dalam perkhidmatan awam am Negeri;’;

(e) dengan memasukkan selepas tafsiran “Setiausaha” tafsiran yang berikut:

‘ “surau” ertinya suatu bangunan—

(a) yang digunakan untuk sembahyang kecuali sembahyang Jumaat dan kegiatan yang disuruh, disyorkan, atau dibenarkan oleh agama Islam; atau

(b) yang penggunaannya sebagai yang sedemikian telah dibenarkan oleh Majlis;’;

‘ “Timbalan Ketua Pendakwa Syarie” ertinya pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 78(1);’;

‘ “Timbalan Setiausaha” ertinya Timbalan Setiausaha Majlis sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 16A;’; dan

(f) dengan menggantikan perkataan “Yang di-Pertua” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Yang Dipertua”.

Pindaan seksyen 9

3. Seksyen 9 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Akta Syarikat 1965” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Akta Syarikat 2016”.

Pindaan seksyen 11

4. Seksyen 11 Enakmen ibu dipinda dalam perenggan (1)(d) dengan menggantikan perkataan “lapan” dengan perkataan “sepuluh”.

Seksyen baharu 16A

5. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 16 seksyen yang berikut:

“Timbalan Setiausaha **16A.** (1) Majlis boleh melantik seseorang menjadi Timbalan Setiausaha Majlis jika Majlis mendapati sesuai dan perlu.

(2) Sepanjang ketiadaan atau ketidakupayaan Setiausaha untuk menjalankan tugasnya, Timbalan Setiausaha hendaklah menjalankan fungsi-fungsi Setiausaha seperti yang ditetapkan di bawah seksyen 16.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), sepanjang ketiadaan atau ketidakupayaan Setiausaha untuk menjalankan tugasnya, Majlis boleh melantik mana-mana orang untuk menjalankan tugas kesetiausahaan dalam tempoh tersebut.”.

Pindaan seksyen 28

6. Seksyen 28 Enakmen ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1) dengan memasukkan selepas perkataan “mana-mana jawatankuasa Majlis” perkataan “atau kepada mana-mana pihak lain yang dilantik oleh Majlis”; dan

(b) dalam subseksyen (3) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Yang Dipertua, Setiausaha, jawatankuasa atau mana-mana pihak lain yang dilantik oleh Majlis yang kepadanya perwakilan dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah memberitahu Majlis tentang semua tindakan dan perkara yang dilakukan olehnya menurut perwakilan itu.”.

Pindaan seksyen 55

7. Seksyen 55 Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) Mahkamah Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mempunyai dan menggunakan, mengikut kehendak keadaan, suatu meterai daripada jenis dan corak sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Hakim Syarie.”.

Pindaan seksyen 56

8. Seksyen 56 Enakmen ibu dipinda dalam perenggan (2)(b) dengan menggantikan perenggan 2(b) yang berikut:

“(b) selama tidak kurang daripada sepuluh tahun sebelum pelantikannya, telah memegang jawatan Hakim Syarie atau Pendaftar atau Pendakwa Syarie sesuatu Negeri atau Pegawai Syariah atau pada suatu masa memegang mana-mana satu daripada jawatan itu dan pada masa yang lain memegang mana-mana yang lain pula.”.

Pindaan seksyen 57

9. Seksyen 57 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan “tujuh” dengan perkataan “sembilan”;
- (b) dengan memotong subseksyen (2); dan
- (c) dengan menomborkan semula subseksyen (3) sebagai subseksyen (2).

Pindaan seksyen 58

10. Seksyen 58 Enakmen ibu dipinda dalam subperenggan (2)(b)(i)—

- (a) dengan memotong perkataan “atau Kadhi” selepas perkataan “Hakim Mahkamah Rendah Syariah”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “Pendakwa Syarie sesuatu Negeri” perkataan “atau Pegawai Syariah”.

Pindaan seksyen 59

11. Seksyen 59 Enakmen ibu dipinda dalam subseksyen (1) dengan menggantikan subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1) Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Ketua Hakim Syarie, boleh melantik Hakim Mahkamah Rendah Syariah daripada kalangan Pegawai Syariah.”.

Pindaan seksyen 60

12. Seksyen 60 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 60 dengan seksyen yang berikut:

“**60.** Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Ketua Hakim Syarie, boleh melantik—

(a) daripada kalangan Pegawai Syariah—

(i) seorang Ketua Pendaftar dan Timbalan Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah; dan

(ii) seorang Pendaftar dan Timbalan-Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah; dan

(b) daripada kalangan Penolong Pegawai Syariah, seorang Penolong Kanan Pendaftar dan Penolong-Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah.”.

Pindaan seksyen 62

13. Seksyen 62 Enakmen ibu dipinda dalam subseksyen (2)—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “rukun-rukun” dengan perkataan “ajaran-ajaran”; dan

(b) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “seratus ribu ringgit” dengan perkataan “lima ratus ribu ringgit”.

Pindaan seksyen 69

14. Seksyen 69 Enakmen ibu dipinda dalam subseksyen (1) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “dibereskan” dengan perkataan “diputuskan”.

Pindaan seksyen 77

15. Seksyen 77 Enakmen ibu dipinda—

(a) dalam subperenggan (2)(c)(iv) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;

(b) dalam subperenggan (2)(c)(v)—

(i) dengan menggantikan perkataan “Biro” dengan perkataan “Jabatan”; dan

(ii) dengan menggantikan noktah selepas perkataan “Akta Bantuan Guaman 1971” dengan koma bernoktah dan perkataan “dan”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subperenggan (2)(c)(v) subperenggan yang berikut:

“(vi) Ketua Pendakwa Syarie atau wakilnya.”.

Pindaan seksyen 78

16. Seksyen 78 Enakmen ibu dipinda—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan dalam nota bahu dengan memasukkan selepas perkataan “Ketua Pendakwa” perkataan “Syarie,” dan perkataan “Timbalan Ketua Pendakwa Syarie”;

(b) dalam teks bahasa Inggeris dalam nota bahu dengan memasukkan selepas perkataan “Chief Syarie Prosecutor” perkataan “, the Deputy Chief Syarie Prosecutor”;

- (c) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan “perkhidmatan awam am Persekutuan” dengan perkataan “Pegawai Syariah” dan memasukkan selepas perkataan “Ketua Pendakwa Syarie” perkataan “dan Timbalan Ketua Pendakwa Syarie”;
- (d) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “perkhidmatan awam am Persekutuan” dengan perkataan “Pegawai Syariah”;
- (e) dalam subseksyen (4), dengan memasukkan perkataan “Timbalan Ketua Pendakwa Syarie dan” sebelum perkataan “Pendakwa Syarie”; dan
- (f) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) Walau apa pun subseksyen (4), Timbalan Ketua Pendakwa Syarie hendaklah bertindak sebagai Ketua Pendakwa Syarie sepanjang ketiadaan atau ketidakupayaan Ketua Pendakwa Syarie untuk menjalankan tugasnya.”.

Pindaan seksyen 79

17. Seksyen 79 Enakmen ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “rukun” dengan perkataan “ajaran”.

Pindaan seksyen 80

18. Seksyen 80 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1)—
 - (i) dalam teks bahasa kebangsaan dengan memasukkan selepas perkataan “mana-mana orang” perkataan “Islam”;
 - (ii) dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan “person” dengan perkataan “Muslim”;

(b) dalam subseksyen (3)—

- (i) dalam perenggan (a) dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;
- (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan koma di hujung perenggan itu dengan koma bernoktah; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (b), perenggan yang berikut:

“(c) mana-mana Pegawai Syariah dalam perkhidmatan awam am Persekutuan;

(d) mana-mana pegawai Majlis yang ditentukan oleh Majlis; atau

(e) mana-mana orang Islam yang diberi kebenaran khas oleh Majlis;” dan

(c) dalam subseksyen (4) dengan menggantikan perkataan “hendaklah” dengan perkataan “bolehlah”.

Pindaan seksyen 84

19. Seksyen 84 Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) Walau apa pun subseksyen (2), Majlis boleh, secara alternatif, membuat apa-apa bayaran yang amaunnya melebihi lima ratus ringgit melalui kaedah Pemindahan Dana Elektronik.”.

Pindaan seksyen 87

20. Seksyen 87 Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan jika tiada penalti khas diperuntukkan berhubungan dengannya, orang itu hendaklah dihukum dengan denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”.

Pindaan seksyen 96**21.** Seksyen 96 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu dengan memasukkan selepas perkataan “masjid” perkataan “, surau”;
- (b) dalam subseksyen (1) dengan memasukkan selepas perkataan “semua masjid” perkataan “dan surau”; dan
- (c) dalam subseksyen (2) dengan memasukkan selepas setiap perkataan “masjid” perkataan “dan surau”.

Pindaan seksyen 97**22.** Seksyen 97 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu dengan menggantikan perkataan “penalti” dengan perkataan “surau”;
- (b) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “di atau oleh masjid” dengan perkataan “oleh masjid dan surau”; dan
- (c) dalam teks bahasa Inggeris, dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “mosque” perkataan “and *surau*”.

Pindaan seksyen 98**23.** Seksyen 98 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu dengan memasukkan selepas perkataan “masjid” perkataan “dan surau”;
- (b) dalam perenggan (1)(a) dengan memasukkan selepas perkataan “masjid” perkataan “dan surau”;
- (c) dalam perenggan (1)(b) dengan memasukkan selepas perkataan “masjid” perkataan “dan surau”; dan

(d) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A). Bagi maksud Enakmen ini, mana-mana surau yang telah dibenarkan penggunaannya bagi tujuan sembahyang Jumaat atau apa-apa perkara yang dibenarkan dilakukan di masjid, hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat atau arahan yang ditentukan oleh Majlis.”.

Pindaan seksyen 99

24. Seksyen 99 Enakmen ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu dengan memasukkan selepas perkataan “masjid” perkataan “dan surau”;

(b) dalam subseksyen (1) dengan memasukkan selepas perkataan “masjid” perkataan “dan surau”;

(c) dalam subseksyen (2)—

(i) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memasukkan selepas perkataan “masjid” perkataan “dan surau”;

(ii) dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan “such repairs and maintenance” dengan perkataan “the repairs and maintenance of the mosque and *surau*” dan dengan menggantikan perkataan “the cost of such repairs and maintenance” dengan perkataan “such cost”;

(d) dalam subseksyen (3)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “Jawatankuasa Kariah” perkataan “atau Jawatankuasa Surau, mengikut mana-mana yang berkenaan,”;

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan “masjidnya” perkataan “dan suraunya”;

(e) dalam subseksyen (4) dengan memasukkan selepas perkataan “masjid” perkataan “dan surau”; dan

(f) dalam subseksyen (5)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “Jawatankuasa Kariah” perkataan “atau Jawatankuasa Surau, mengikut mana-mana yang berkenaan,”;

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan “masjid” perkataan “dan surau”.

Pindaan seksyen 100

25. Seksyen 100 Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

“(6) Walau apa pun subseksyen (3) dan (4), Majlis boleh melantik mana-mana orang Islam untuk menjadi Pegawai Masjid atas syarat-syarat yang difikirkan patut oleh Majlis.”.

Pindaan seksyen 106

26. Seksyen 106 Enakmen ibu dipinda dalam subseksyen (5) dengan menggantikan perkataan “satu ribu ringgit” dengan perkataan “lima ribu ringgit” dan perkataan “enam bulan” dengan perkataan “tiga tahun”.

Pindaan seksyen 110

27. Enakmen ibu dipinda dalam seksyen 110 dengan memasukkan selepas perkataan “Pendaftar Mualaf” perkataan “dan beberapa orang Penolong-Penolong Pendaftar Mualaf”.

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 7 Mac 2023.
[JPSPP.600-1/1/1/4 KLT.2; PUNPP 352/100/1/1/53]

HASMA BINTI HASHIM
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Pulau Pinang*



LAWS OF THE STATE OF PENANG

Enactment A32

**ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF PENANG) (AMENDMENT) ENACTMENT 2023**

Date of Royal Assent 11 April 2023

Date of publication in the *Gazette* 11 May 2023

Publisher's Copyright ©

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Appointed Printer to the Government of Malaysia)**.

LAWS OF THE STATE OF PENANG**Enactment A32****ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF PENANG) (AMENDMENT) ENACTMENT 2023**

I ASSENT,

(STATE SEAL)

**TUN DATO' SERI UTAMA
AHMAD FUZI BIN
HAJI ABDUL RAZAK**
*Yang di-Pertua Negeri*11 April 2023
20 Ramadan 1444

An Enactment to amend the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004.

[]

ENACTED by the Legislature of the State of Penang as follows:**Short title and commencement**

1. (1) This Enactment may be cited as the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) (Amendment) Enactment 2023.

(2) This Enactment shall come into operation on a date to be appointed by the Yang di-Pertuan Agong by notification in the *Gazette*.

(3) The Yang di-Pertuan Agong may appoint different dates for the coming into operation of different parts of this Enactment.

Amendment of section 2

2. Section 2 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [*Enactment 2*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment is amended in subsection (1)—

(a) by inserting after the interpretation “Baitulmal” the following interpretation:

‘ “reside” means residing in any area in the State of Penang for a period of not less than four months;’;

(b) by inserting after the interpretation “previous Enactment” the following interpretation:

‘ “*Fatwa*” means any determination of law on any unsettled or controversial question or in relation to *Hukum Syarak* decided by the *Fatwa* Committee and published in the *Gazette*;’;

(c) by inserting after the interpretation “*Pegawai Masjid*” the following interpretation:

‘ “Syariah Officer” means a Syariah Officer in the general public service of the Federation or in the general public service of the State;’;

(d) by inserting after the interpretation “Syarie Prosecutor” the following interpretation:

‘ “Assistant Syariah Officer” means an Assistant Syariah Officer in the general public service of the Federation or in the general public service of the State;’;

(e) by inserting after the interpretation “Secretary” the following interpretations:

‘ “*surau*” means a building—

(a) used for prayers except for Friday prayers and activities which are directed, recommended, or permitted by religion of Islam; or

(b) which its usage as such is permitted by the Majlis;’;

‘ “Deputy Chief Syarie Prosecutor” means the officer appointed under subsection 78(1);’;

‘ “Deputy Secretary” means the Deputy Secretary of Majlis as provided under section 16A;’; and

(f) by substituting for the words “Yang di-Pertua” wherever appearing the words “Yang Dipertua”.

Amendment of section 9

3. Section 9 of the principal Enactment is amended by substituting for the words “Companies Act 1965” wherever appearing the words “Companies Act 2016”.

Amendment of section 11

4. Section 11 of the principal Enactment is amended in paragraph (1)(d) by substituting for the word “eight” the word “ten”.

New section 16A

5. The principal Enactment is amended by inserting after section 16 the following section:

“Deputy Secretary **16A.** (1) Majlis may appoint a person to be the Deputy Secretary of the Majlis, if it thinks appropriate and necessary.

(2) During the absence or incapacitation of the Secretary to carry out his duties, the Deputy Secretary shall carry out the functions of the Secretary as determined under section 16.

(3) Notwithstanding subsection (1), during the absence or incapacitation of the Secretary to carry out his duties, Majlis may appoint any person to carry out the secretarial duty within such period.”.

Amendment of section 28

6. Section 28 of the principal Enactment is amended—

(a) in subsection (1) by inserting after the words “any committee of the Majlis” the words “or to any other parties who is appointed by the Majlis”; and

(b) in subsection (3) by substituting for subsection (3) the following subsection:

“(3) The Yang Dipertua, Secretary, committee or any other parties appointed by the Majlis to whom or to which a delegation is made under subsection (1) shall inform the Majlis of all acts and things done by him in pursuance of such delegation.”.

Amendment of section 55

7. Section 55 of the principal Enactment is amended by inserting after subsection (4) the following subsection:

“(5) The Syariah Court and the Syariah Appeal Court shall have and use, as occasion may require, a seal of such nature and pattern as the Chief Syarie Judge may prescribe.”.

Amendment of section 56

8. Section 56 of the principal Enactment is amended in paragraph (2)(b) by substituting for paragraph 2(b) the following paragraph:

“(b) has for a period of not less than ten years before his appointment, been a Syarie Judge or a Registrar or a Syariah Prosecutor of a State or Syariah Officer or sometimes one and sometimes another.”.

Amendment of section 57

9. Section 57 of the principal Enactment is amended—
- (a) in subsection (1), by substituting for the word “seven” the word “nine”;
 - (b) by deleting subsection (2); and
 - (c) by renumbering subsection (3) as subsection (2).

Amendment of section 58

10. Section 58 of the principal Enactment is amended in subparagraph (2)(b)(i)—
- (a) by deleting the words “or a Kadhi” after the words “a Judge of a Syariah Subordinate Court”; and
 - (b) by inserting after the words “a Syariah Prosecutor of a State” the words “or Syariah Officer”.

Amendment of section 59

11. Section 59 of the principal Enactment is amended in subsection (1) by substituting for subsection (1) the following subsection:
- “(1) The Yang di-Pertuan Agong on the recommendation of the Chief Syarie Judge, may appoint Subordinate Court Judges from amongst Syariah Officer.”.

Amendment of section 60

12. Section 60 of the principal Enactment is amended by substituting for section 60 the following section:
- “60. The Yang di-Pertuan Agong on the advice of the Chief Syarie Judge, may appoint—
- (a) from amongst Syariah Officer—
 - (i) a Chief Registrar and Deputy Chief Registrar of the Syariah Appeal Court; and

- (ii) a Registrar and Deputy Registrars of the Syariah High Court; and
- (b) from amongst Assistant Syariah Officer, a Senior Assistant Registrar and Assistant Registrars of the Syariah Subordinate Courts.”.

Amendment of section 62

13. Section 62 of the principal Enactment is amended in subsection (2)—

- (a) in the national language text, in paragraph (a), by substituting for the words “rukun-rukun” the words “ajaran-ajaran”; and
- (b) in paragraph (b), by substituting for the words “one hundred thousand ringgit” the words “five hundred thousand ringgit”.

Amendment of section 69

14. Section 69 of the principal Enactment is amended in subsection (1) in the national language text, by substituting for the word “dibereskan” the word “diputuskan”.

Amendment of section 77

15. Section 77 of the principal Enactment is amended—

- (a) in subparagraph (2)(c)(iv) by deleting the word “and” at the end of the paragraph;
- (b) in subparagraph (2)(c)(v)—
 - (i) by substituting for the word “Bureau” the word “Department”; and
 - (ii) by substituting full stop after the word “Legal Aid Act 1971” with semicolon and the word “and”; and

(c) by inserting after subparagraph (2)(c)(v) the following subparagraph:

“(vi) Chief Syarie Prosecutor or his representative.”.

Amendment of section 78

16. Section 78 of the principal Enactment is amended—

- (a) in the national language text, in the shoulder note by inserting after the words “Ketua Pendakwa” word “Syarie,” and the word “Timbalan Ketua Pendakwa Syarie”;
- (b) in the English language text, in the shoulder note by inserting after the words “Chief Syarie Prosecutor” the words “, the Deputy Chief Syarie Prosecutor”;
- (c) in subsection (1) by substituting for the words “general public service of the Federation” the words “Syariah Officer” and inserting after the words “Chief Syarie Prosecutor” the words “and the Deputy Chief Syarie Prosecutor”;
- (d) in subsection (3) by substituting for the words “general public service of the Federation” the words “Syariah Officer”;
- (e) in subsection (4), by inserting the words “The Deputy Chief Syarie Prosecutor and” before the words “Syarie Prosecutors”; and
- (f) by inserting after subsection (4) the following subsection:

“(5) Notwithstanding subsection (4), the Deputy Chief Syarie Prosecutor shall act as the Chief Syarie Prosecutor in the absence of or incapacitation of the Chief Syarie Prosecutor to carry out his functions.”.

Amendment of section 79

17. Section 79 of the principal Enactment is amended in the national language text by substituting for the word “rukun” the word “ajaran”.

Amendment of section 80

18. Section 80 of the principal Enactment is amended—

(a) in subsection (1)—

- (i) in the national language text, by inserting after the word “mana-mana orang” the word “Islam”;
- (ii) in the English language text, by substituting for the word “person” the word “Muslim”;

(b) in subsection (3)—

- (i) in paragraph (a), by deleting the word “or” at the end of the paragraph;
- (ii) in paragraph (b), by substituting for the comma at the end of paragraph with the semicolon; and
- (iii) by inserting after paragraph (b), the following paragraph:

“(c) any Syariah Officer from the general public service of the Federation;

(d) any officer of the Majlis as determined by the Majlis; or

(e) any Muslim who is given special permission by the Majlis;” and

(c) in subsection (4), by substituting for the word “shall” the word “may”.

Amendment of section 84

19. Section 84 of the principal Enactment is amended by inserting after subsection (4) the following subsection:

“(5) Notwithstanding subsection (2), the Majlis may, in alternative, make any payment of the amount exceeding five hundred ringgit by way of Electronic Fund Transfer.”.

Amendment of section 87

20. Section 87 of the principal Enactment is amended by inserting after subsection (2) the following subsection:

“(3) Any person who contravenes or fails to comply with any regulations made under this Enactment shall be guilty of an offence and where no special penalty is provided in relation thereto, such person shall be punished with a fine not exceeding three thousand ringgit or with imprisonment for a term not exceeding two years or both.”.

Amendment of section 96

21. Section 96 of the principal Enactment is amended—

- (a) in the shoulder note, by inserting after the word “mosque” the word “, *surau*”;
- (b) in subsection (1) by inserting after the words “all mosques” the words “and *surau*”; and
- (c) in subsection (2) by inserting after every word “mosque” the word “and *surau*”.

Amendment of section 97

22. Section 97 of the principal Enactment is amended—

- (a) in the shoulder note, by substituting for the words “penalty” the words “*surau*”;
- (b) in the national language text, in subsection (1) by substituting for the words “di atau oleh masjid” with the words “oleh masjid dan *surau*”; and
- (c) in the English language text, in subsection (1) by inserting after the word “mosque” the words “and *surau*”.

Amendment of section 98

23. Section 98 of the principal Enactment is amended—

- (a) in the shoulder note, by inserting after the words “mosques” the words “and *surau*”;
- (b) in paragraph (1)(a) by inserting after the word “mosque” the words “and *surau*”;
- (c) in paragraph (1)(b) by inserting after the word “mosque” the words “and *surau*”; and
- (d) by inserting after subsection (2) the following subsection:

“(2A). For the purpose of this Enactment, any *surau* permitted to be used for the purpose of Friday prayers or any matter permitted to be carried out in a mosque, shall be subject to the terms or directives determined by Majlis.”.

Amendment of section 99

24. Section 99 of the principal Enactment is amended—

- (a) in the shoulder note, by inserting after the words “mosques” the words “and *surau*”;
- (b) in subsection (1) by inserting after the word “mosques” the words “and *surau*”;
- (c) in subsection (2)—
 - (i) in the national language text, by inserting after the word “masjid” the words “dan *surau*”;
 - (ii) in the English language text, by substituting for the words “such repairs and maintenance” the words “the repairs and maintenance of the mosque and *surau*” and by substituting for the words “the cost of such repairs and maintenance” the words “such cost”;

(d) in subsection (3)—

(i) by inserting after the words “*Jawatankuasa Kariah*” the words “or *Jawatankuasa Surau*, as the case may be,”;

(ii) by inserting after the word “mosque” the words “and *surau*”;

(e) in subsection (4) by inserting after the word “mosque” the words “and *surau*”; and

(f) in subsection (5)—

(i) by inserting after the words “*Jawatankuasa Kariah*” the words “or *Jawatankuasa Surau*, as the case may be,”;

(ii) by inserting after the word “mosque” the words “and *surau*”.

Amendment of section 100

25. Section 100 of the principal Enactment is amended by inserting after subsection (5) the following subsection:

“(6) Notwithstanding subsection (3) and (4), the Majlis may appoint any Muslim to be a *Pegawai Masjid* subject to conditions which the Majlis deems fit.”.

Amendment of section 106

26. Section 106 of the principal Enactment is amended in subsection (5) by substituting for the words “one thousand ringgit” the words “five thousand ringgit” and for the words “six months” the words “three years”.

Amendment of section 110

27. The principal Enactment is amended in section 110 by inserting after the words “Registrar of Mualafs” the words “and Assistant Registrars of Mualafs”.

Passed in the State Legislative Assembly on 7 March 2023.
[JPSPP.600-1/1/1/4 KLT.2; PUNPP 352/100/1/1/53]

HASMA BINTI HASHIM
Clerk of the Legislative Assembly
Penang

